

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23 APRIL 2017

Bekas YB sebak terima kunjungan Perdana Menteri

BH - 23/4/2017

➔ Najib luang masa kunjungi veteran UMNO, kongsi pengalaman suka duka perjuangan bersama

Oleh Abdul Razak Raaff,
Amin Ridzuan Ishak
dan Sharinnahar Ab Latif
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Seorang veteran UMNO gagal menahan sebak sebaik melihat Datuk Seri Najib Razak melangkah masuk ke kediamannya di Medan Tok Sira di sini, sebelum memeluk erat Perdana Menteri.

Datuk Faisal Abdullah, 69, yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Kerja UMNO Pahang ketika Najib menjadi Menteri Besar pada 1982 hingga 1986, juga tidak putus-putus melahirkan rasa terharu dengan kunjungan bekas 'bosnya' itu.

Beliau yang kehilangan tangan kiri yang terpaksa dipotong tiga bulan lalu akibat penyakit kencing manis,



FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH

Najib dipeluk Faisal ketika mengunjungi bekas Setiausaha Kerja UMNO Pahang di kediamannya di Medan Tok Sira, Kuantan, semalam.

mempunyai lima anak dan lapan cucu hasil perkongsian hidup dengan Maimunah Sulong, 68.

Banyak beri nasihat

"Sepanjang berkhidmat dengan Perdana Menteri ketika beliau menjadi Menteri Besar Pahang, banyak nasihat diberikannya, antara yang paling saya ingat adalah, jika melaksanakan amanah, laksanakan sebaik mungkin," katanya.

Dalam kunjungan selama 30 minit itu, dua rakan berkenaan yang sudah kira-kira 10 tahun tidak bertemu, saling bertanya khabar dan berkongsi kenangan ketika mereka sama-sama berjuang dalam UMNO Pahang.

"Saya sangat terharu kerana Perdana Menteri masih lagi ingat kenangan lama sebelum ini," kata Faisal yang juga pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Be-



Gembira dan terharu hasrat berjumpa Perdana Menteri tercapai. Terima kasih kepada Datuk Seri Najib sanggup lawat saya biarpun sibuk"

Zainudin Sulong,
Setiausaha UMNO
Cawangan
Kampung Telok

serah selama sepenggal dari 2004 hingga 2008.

Terharu dikunjungi PM

Najib turut meluangkan masa menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada bekas Setiausaha UMNO Cawangan Kampung Telok, Zainudin Sulong, 83, yang terlantar di rumahnya di Kampung Telok kerana lumpuh sejak lima tahun lalu.

"Gembira dan terharu hasrat berjumpa Perdana Menteri tercapai. Terima kasih kepada Datuk Seri Najib sanggup lawat saya biarpun sibuk," kata pesara kerajaan itu yang aktif berjuang dalam UMNO sekitar 1950 hingga 1960-an.

Isteri Zainudin, Noriah Mohamed, 62, juga berterima kasih kepada Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Pekan atas kesudian melawat suaminya walaupun tidak mengenali secara dekat.